



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 20 SEPTEMBER 2024

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3.	MAHA 2024 BERJAYA CAPAI SASARAN 3 JUTA PENGUNJUNG SETAKAT 18 SEPT, ASTRO AWANI -ONLINE MAHA 2024: KPKM, FGV DAN GENTING PLANTATIONS JALIN KERJASAMA, UM -ONLINE SIJIL PERLINDUNGAN HARTA INTELEK DURIAN MUSANG KING DIPERBAHARUI, BERITA RTM -ONLIN	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
4.	MAHA 2024: 350,000 KUNJUNGI LAMAN PERIKANAN, BERITA RTM -ONLINE	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
5.	AGROBANK TAWAR PAKEJ MENARIK, SERLAH POTENSI USAHAWAN MUDA DI MAHA 2024, ASTRO AWANI -ONLINE	AGROBANK
6. 7.	BERNAS PAMER KELAINAN DI LAMAN PADI MAHA 2024 KALI INI, ASTRO AWANI -ONLINE TAWAR 1,111 PILIHAN PRODUK, HM -ONLINE	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)



MAHA 2024 berjaya capai sasaran 3 juta pengunjung setakat 18 Sept

Bernama

19/09/2024 17:45 MYT



Meraikan 100 tahun penganjuran, MAHA edisi 2024 akan memberi penekanan kepada elemen yang mengangkat MAHA ke peringkat antarabangsa. -Gambar fail/Bernama

SERDANG: Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2024 berjaya mencapai sasaran seperti yang ditetapkan iaitu tiga juta orang setakat 18 Sept, kata Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu.

Ringkasan AI

- MAHA 2024 mencapai sasaran tiga juta pengunjung setakat 18 September, menurut Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu.
- Jumlah pengunjung dijangka mencecah lima juta pada hujung minggu ini. Pengunjung ketiga juta menerima sebuah motosikal sebagai tanda penghargaan, manakala pengunjung kelima juta akan menerima sebuah kereta Perodua Axia.
- MAHA 2024 juga mencatatkan jualan benih dan anak pokok yang lebih tinggi berbanding edisi lepas, menunjukkan minat yang

Berita Terkini

La



Bandar bahagia, Kluang tawar kehidupan tenang, penuh harmoni



Ringgit susut berbanding dolar AS pada sesi awal



Mitsubishi XPANDEI 2024 'facelift' dilancar di Malaysia dua varian, 1.5L 4AT bermula RM99,980



Beliau berkata ia mencerminkan sokongan padu daripada masyarakat bagi program sebegini sekali gus menyaksikan penyerahan sebuah motosikal kepada seorang pengunjung bertuah (bagi pengunjung ketiga juta) sebagai tanda penghargaan.

Anda mungkin berminat pada artikel ini

- BERNAS pamer kelainan di Laman Padi MAHA 2024 kali Ini (https://www.astroawani.com/berita-malaysia/bernas-pamer-kelainan-di-laman-padi-maha-2024-kali-ini-488506?utm_source=news_keyword_widget&utm_medium=data-embed&utm_campaign=20240920%20News-KeyWord-maha-2024)

"Saya jangkakan jumlah pengunjung ke MAHA kali ini akan mencecah lima juta orang pada hujung minggu ini.

"Bagi menghargai sokongan kuat daripada rakyat Malaysia ke atas MAHA 2024 ini, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) akan menghadiahkan sebuah kereta Perodua Axia kepada pengunjung yang kelima juta," katanya dalam kenyataan hari ini.

Mohamad sebelum ini dilaporkan berkata sasaran pengunjung sepanjang 12 hari penganjuran MAHA kali ini adalah seramai tiga juta orang, iaitu ia mampu menjana nilai jualan langsung mencapai RM40 juta serta nilai potensi pembiayaan kewangan sebanyak RM600 juta.

Beliau berkata berdasarkan laporan harian MAHA, dijangkakan jumlah pengunjung akan naik mendadak pada Jumaat, Sabtu dan Ahad ini, justeru beliau telah mengarahkan KPKM untuk menggunakan semua aset bas, van,

hisap vape kepada orang tersayang



Bekas Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Eddin Syazlee Shith meninggal dunia

Popular di Astro AWANI
(https://pulse.astroawani.com/berita-popular-chartbeat&utm_source=embed-berita-popular-chartbeat&utm_medium=data-embed&utm_campaign=20240920%20News-KeyWord-maha-2024)

Lagi

(https://pulse.astroawani.com/berita-popular-chartbeat&utm_source=embed-berita-popular-chartbeat&utm_medium=data-embed&utm_campaign=20240920%20News-KeyWord-maha-2024)



PEMIKIRAN BAHARU
Utusan Malaysia
85
1929-2024
Generasi
keadilan dan kemajuan

LOG MASUK LANGGAN



MAHA 2024: KPKM, FGV dan Genting Plantations jalin kerjasama



MOHAMAD Sabu menyaksikan pertukaran dokumen MoU antara Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) Kementerian, Datuk Azah Hanim Ahmad dan Ketua Eksekutif Genting Plantations Bhd., Datuk Seri Tan Kong Han di Serdang, semalam. – UTUSAN/SHIDDIEQIIN ZON

Oleh NUR AIMI HAZIRAH 20 September 2024, 6:30 am

SERDANG: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menandatangani memorandum persefahaman (MoU) melibatkan 400 hektar tanah bertujuan untuk membangunkan industri jagung bijian (grain corn). MoU itu melibatkan kerjasama kementerian dengan syarikat iaitu FGV Integrated Farming Holdings Sdn. Bhd. dan Genting Plantations. Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, MoU ini diadakan sebagai...





Choose Refurbished. Reduce E-waste.

by Dell Dell - Sponsored

[Learn More](#)

Sila [Log Masuk](#) atau [Langgan](#) untuk membaca berita sepenuhnya

Tidak mahu terlepas? Ikuti kami di



BERITA BERKAITAN



Bursa Malaysia dijangka kekal dalam mod yang positif

20 September 2024, 10:12 am



Motivasi Wei Chong-Kai Wun meningkat, 'smash' juara dunia

20 September 2024, 10:10 am



Tapir betina sesat, terperangkap dalam parit

20 September 2024, 10:07 am



Bandar Teluk Intan dinaiki air pasang besar

20 September 2024, 10:04 am



COIN TARGET AI

Mungkin Boleh Meningkatkan Bajet
Keluarga Menggunakan AI



KETAHUI L



Sijil perlindungan harta intelek durian Musang King diperbaharui

Nasional - Dicipta: 19 September 2024 08:25 PM
 - Kemas kini: 19 September 2024 08:25 PM



Datuk Seri Mohamad Sabu

SERDANG, 19 September- Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) memperbaharui sijil perlindungan harta intelek tempatan bagi durian Musang King untuk tempoh 10 tahun iaitu hingga 12 Mac 2034.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, pendaftaran tersebut mengiktiraf reputasi dan kualiti luar biasa raja buah tersebut yang merupakan produk unik negara ini.

"Kita telah mendaftar Durian Musang King sebagai jenama hak Malaysia. Oleh itu, nama ini tidak boleh digunakan oleh mana-mana negara lain.

"Kita telah daftar Durian Musang King sebagai jenama khas daripada Malaysia telah didaftarkan melalui MyIPO," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui media selepas merasmikan Majlis Peluncuran Buku Pakej Teknologi Durian di Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2024 di sini.

Dalam pada itu, MAHA yang berlangsung sejak 11 September lalu berjaya mencapai sasaran tiga juta pengunjung setakat semalam, dan angka itu dijangka akan terus bertambah.

Mohamad Sabu berkata, pencapaian tersebut menggambarkan sokongan jitu daripada masyarakat bagi program tersebut.

Selain mendapat perhatian pengunjung, peniaga yang menyertai MAHA 2024 turut menerima impak jualan positif.

Susulan penganjuran itu, terdapat peniaga yang memperoleh peningkatan pendapatan antara 30 hingga 60 peratus.

Seorang peniaga yang ditemui RTM Mohd Yusri Mohd Ali berkata, jualan pada MAHA 2024 meningkat hingga tiga kali ganda.

"Alhamdulillah, hari pertama pun kami memang tidak menjangka nilai jualan kami melonjak naik. Dianggarkan ia menunjukkan peningkatan tiga kali ganda kira-kira 50 hingga 60 peratus," katanya.

[#DURIAN](#) [#MUSANG KING](#) [#MYIPO](#)



[< Seterusnya](#)

[Seterusnya >](#)

Berita Lain

[Cuaca tak menentu, nelayan disaran guna kaedah Q'Fish](#)

20 September 2024 10:00 AM - [Nasional](#)

MAHA 2024: 350,000 kunjungi Laman Perikanan

Nasional - Dicipta: 19 September 2024 03:12 PM
 - Kemas kini: 19 September 2024 03:13 PM



Seorang pengunjung melawat Laman Perikanan pada MAHA 2024 di MAEPS, Serdang/Foto Jabatan Perikanan

SERDANG, 19 September - Seramai 350,000 orang berkunjung ke Laman Perikanan bersempena Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2024 di MAEPS Serdang, setakat ini.

Ketua Pengarah Perikanan, Dato' Adnan Hussain berkata, angka itu disasarkan terus meningkat kepada 750,000 pengunjung.

Katanya, pengunjung berpeluang menyaksikan pelbagai galeri dan segmen yang disediakan di laman berkenaan.

"Pelbagai kehidupan akuatik dan marin, spesis tumbuhan serta spesimen ikan laut dalam sediakan kepada pengunjung.

"Ia dipertontonkan bagi membolehkan mereka mendapatkan maklumat berhubung sektor perikanan yang ada di negara kita," katanya ketika menjadi tetamu dalam rancangan terbitan RTM di sini hari ini.

Tambah beliau, hasil daripada produk-produk perikanan turut dijual di Laman Agrofood Perikanan.

ARTIKEL BERKAITAN:

- [MAHA 2024: Teknologi tarik minat anak muda kenali pertanian](#)
- [MAHA: Kerbau bersaiz gergasi di Laman Agro-Food Ternakan](#)
- [Lebih 120,000 pengunjung ke Laman perikanan MAHA](#)

[#PENGUNJUNG](#) [#MAHA 2024](#) [#LAMAN PERIKANAN](#)



[< Seterusnya](#)

[Seterusnya >](#)

Berita Lain

[Cuaca tak menentu, nelayan disaran guna kaedah Q'Fish](#)

20 September 2024 10:00 AM - [Nasional](#)

[Polis perketat kawalan di kawasan banjir Kota Setar, Pokok Sena](#)

20 September 2024 09:46 AM - [Nasional](#)

[Bekas Timbalan Menteri KKMM, Datuk Eddin meninggal dunia](#)

20 September 2024 09:39 AM - [Nasional](#)



Agrobank tawar pakej menarik, serlah potensi usahawan muda di MAHA 2024

Amzar Alif

19/09/2024 20:36 MYT



Agrobank turut memperkenalkan kempen Menang Moto Setiap Hari sepanjang MAHA 2024, serta kempen Mega Million yang menawarkan hadiah kereta Tesla kepada pemenang bertuah. - Gambar Agrobank

KUALA LUMPUR : Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2024 dijangka menjadi lebih meriah dengan penyertaan aktif Agrobank sebagai salah satu penaja utama.

Melalui pelbagai inisiatif menarik, Agrobank terus komited untuk menyokong sektor pertanian negara, terutamanya dengan menyediakan pelbagai produk dan program yang disasarkan kepada pengusaha pertanian serta usahawan muda.

ADVERTISING

Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata, Agrobank sebagai sebuah institusi kewangan pembangunan (DFI) memainkan peranan penting dalam memastikan keterjaminan makanan negara melalui akses pembiayaan yang holistik.

Anda mungkin berminat pada artikel ini

- BERNAS pamer kelainan di Laman Padi MAHA 2024 kali Ini (https://www.astroawani.com/berita-malaysia/bernas-pamer-kelainan-di-laman-padi-maha-2024-kali-ini-488506?utm_source=news_keyword_widget&utm_medium=data-embed&utm_campaign=20240920%20News-KeyWord-maha%2024)
- MAHA 2024 berjaya capai sasaran 3 juta pengunjung setakat 18 Sept (https://www.astroawani.com/berita-malaysia/maha-2024-berjaya-capai-sasaran-3-juta-pengunjung-setakat-18-sept-488476?utm_source=news_keyword_widget&utm_medium=data-embed&utm_campaign=20240920%20News-KeyWord-maha%2024)

Berita Terkini

Lagi



Bandar bahagia, Kluang tawar kehidupan tenang, penuh harmoni



Ringgit susut berbanding dolar AS pada sesi awal



Mitsubishi XPANDER 2024 'facelift' dilancar di Malaysia - dua varian, 1.5L 4AT, bermula RM99,980



Ketahui ancaman tersembunyi perbuatan merokok, hisap vape kepada orang tersayang



Bekas Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Eddin Syazlee Shith meninggal dunia

Popular di Astro AWANI ([https://pulse.astroawani.com/berita-popular?](https://pulse.astroawani.com/berita-popular?utm_source=embed-berita-popular-chartbeat&utm_medium=embed&utm_campaign=)

[utm_source=embed-berita-popular-chartbeat&utm_medium=embed&utm_campaign=](https://pulse.astroawani.com/berita-popular?utm_source=embed-berita-popular-chartbeat&utm_medium=embed&utm_campaign=)

Lagi

([https://pulse.astroawani.com/berita-popular?](https://pulse.astroawani.com/berita-popular?utm_source=embed-berita-popular-chartbeat&utm_medium=data-embed&utm_campaign=20240920%20Embed%20B)

[utm_source=embed-berita-popular-chartbeat&utm_medium=data-embed&utm_campaign=20240920%20Embed%20B](https://pulse.astroawani.com/berita-popular?utm_source=embed-berita-popular-chartbeat&utm_medium=data-embed&utm_campaign=20240920%20Embed%20B)

إلى الله وإلى رب العالمين



agromakanan.

"Antaranya termasuk *micro financing*, *SME financing* dan *corporate financing*. Kami juga ada memberi tunjuk ajar dan latihan pembangunan perniagaan pemasaran serta pengurusan perniagaan," ujarnya.



Dapatkan kad takaful Agrobank edisi MAHA 2024. - Gambar Agrobank

Mengiktiraf peranan penting golongan muda dalam sektor ini, Agrobank juga memperkenalkan segmen Agro Youth di MAHA 2024 yang menampilkan perbincangan tentang topik terkini dalam industri pertanian dan keterjaminan makanan.

"Pada MAHA 2024 ini kami menampilkan beberapa kelainan seperti kami mempunyai sesi Agro Youth di mana kami menampilkan *key opinion leaders*, beberapa usahawan-usahawan terkenal yang akan memberi tunjuk ajar, panduan dan berkongsi pengalaman mereka dalam bidang pertanian agromakanan ini.

"Oleh itu, kami berharap sesi ini dapat menyuntik semangat kepada usahawan-usahawan baharu dan usahawan-usahawan yang mahu berkembang dalam bidang ini," tambahnya.



Aktiviti interaktif seperti Kahoot turut disediakan buat para pengunjung memperoleh ilmu sambil memenangi hadiah. - Gambar Agrobank



Selain itu, Agrobank turut memperkenalkan kempen Menang Moto Setiap Hari sepanjang MAHA 2024, serta kempen Mega Million yang menawarkan hadiah kereta Tesla kepada pemenang bertuah.

Dengan pelbagai aktiviti menarik dan tawaran eksklusif, Agrobank yakin MAHA 2024 akan menjadi platform penting untuk memupuk minat dan kesedaran tentang pentingnya sektor pertanian dalam memastikan keterjaminan makanan negara.



Cara lain mengikuti berita kami

- Telegram


astro (Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin) menjawab soalan kajian selidik

Berapakah pendapatan bulanan perseorangan anda?

Kurang daripada RM1,500	RM1,500 - RM3,000
RM3,001 - RM5,000	RM5,001 - RM10,000
Lebih daripada RM10,000	Saya tidak mahu mendedahkan

Masuk | Daftar (<https://vodus.my/?login>) VPoints: 0 (<https://vodus.my>) (<https://vodus.s.my>)

Tingkatkan pendapatan luar bandar, pacu pembangunan seimbang negara



#MAHA 2024 #AgroBank #Pembiayaan perniagaan #Agro Youth #Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin

Boost business outcomes

Reap AI-enhanced security and productivity gains with the latest innovative devices powered by #Windows11Pro

Lenovo | Sponsored

Learn more



BERNAS pameran kelainan di Laman Padi MAHA 2024 kali Ini

Amzar Aliif

19/09/2024 21:24 MYT



Pengerusi BERNAS, Datuk Seri Rohani Abdul Karim dan Ketua Pengarah Kawalselia Padi dan Beras, KPKM bersama petugas lain melakukan lawatan ke Laman Padi di MAHA 2024. - Gambar BERNAS

Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) menunjukkan komitmen kukuhnya dalam memastikan keselamatan makanan negara di Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2024.

Sebagai rakan strategik kerajaan dalam industri beras negara selama lebih 30 tahun, BERNAS mengambil peluang ini untuk mempamerkan inovasi terbaharu dalam pertanian padi dan meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai kepentingan industri ini.

MAHA 2024 yang bertemakan 'Menuai Harapan Membina Masa Hadapan' memberi penekanan kepada kemajuan teknologi dan penglibatan komuniti dalam pertanian, selari dengan matlamat Bernas untuk terus mengukuhkan industri beras negara.

Anda mungkin berminat pada artikel ini

- Agrobank tawar pakej menarik, serlah potensi usahawan muda di MAHA 2024 ([https://www.astroawani.com/berita-bisnes/agrobank-tawar-pakej-menarik-serlah-potensi-usahawan-muda-di-maha-2024-488505?utm_source=news_keyword_widget&utm_medium=data-embed&utm_campaign=20240920%20News-Keyword-maha 2024](https://www.astroawani.com/berita-bisnes/agrobank-tawar-pakej-menarik-serlah-potensi-usahawan-muda-di-maha-2024-488505?utm_source=news_keyword_widget&utm_medium=data-embed&utm_campaign=20240920%20News-Keyword-maha%2024))
- MAHA 2024 berjaya capai sasaran 3 juta pengunjung setakat 18 Sept ([https://www.astroawani.com/berita-malaysia/maha-2024-berjaya-capai-sasaran-3-juta-pengunjung-setakat-18-sept-488476?utm_source=news_keyword_widget&utm_medium=data-embed&utm_campaign=20240920%20News-Keyword-maha 2024](https://www.astroawani.com/berita-malaysia/maha-2024-berjaya-capai-sasaran-3-juta-pengunjung-setakat-18-sept-488476?utm_source=news_keyword_widget&utm_medium=data-embed&utm_campaign=20240920%20News-Keyword-maha%2024))

Model projek padi pulut Langkawi di bawah program Smart Sawah Berskala Besar (SBB) turut dipamerkan di Laman Padi MAHA 2024, membolehkan para pengunjung melihat sendiri kualiti padi pulut yang dihasilkan.

Berita Terkini

[Lagi](#)


Bandar bahagia, Kluang tawar kehidupan tenang, penuh harmoni



Ringgit susut berbanding dolar AS pada sesi awal



Mitsubishi XPANDER 2024 'facelift' dilancar di Malaysia - dua varian, 1.5L 4AT, bermula RM99,980



Ketahui ancaman tersembunyi perbuatan merokok, hisap vape kepada orang tersayang



Bekas Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Eddin Syazlee Shith meninggal dunia



Datuk Seri Rohani Abdul Karim sedang merasai sendiri kualiti pelbagai jenis beras yang dipamerkan di Laman Padi MAHA 2024. - Gambar BERNAS

Popular di Astro AWANI
(https://pulse.astroawani.com/berita-popular?utm_source=embed-berita-popular-chartbeat&utm_medium=embed&utm_campaign=

Lagi

(https://pulse.astroawani.com/berita-popular?utm_source=embed-berita-popular-chartbeat&utm_medium=data-embed&utm_campaign=20240920%20Embed%20B

إلى الموقع الإلكتروني

Pengerusi Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Langkawi, Hashim Saad atau lebih dikenali sebagai Pak Teh, berkata pengusaha padi pulut di Langkawi kini mampu meningkatkan kualiti dan kuantiti tanaman mereka menerusi projek tersebut.

"Kita nak bangunkan padi pulut di keseluruhan Langkawi dan kita mintak BERNAS menerajui padi-padi di Langkawi ini termasuk padi biasa dan padi pulut. Baru-baru ini BERNAS juga telah memberikan jentera bagi membantu petani-petani menjalankan kerja-kerja pertanian".

"Kita nak besarkan lagi padi pulut ini di Langkawi kerana sekarang baru 200 lebih yang kita buat campur padi pulut dengan padi jawi. Jadi kita nak buka lagi sebab harga dia tinggi, harga padi pulut RM1,600 (per metrik tan) jadi apabila harga padi jawi naik maka padi pulut pon naik," ujarinya.

Projek yang meliputi 540 hektar sawah padi ini akan memberi manfaat kepada 326 petani dan dilaksanakan secara berperingkat dalam tempoh lima tahun, dari 2024 hingga 2028.

Selari dengan pengumuman Perdana Menteri pada Sabtu mengenai peruntukan RM5 bilion untuk transformasi sektor pertanian, BERNAS menyambut baik langkah ini yang dijangka merancakkan lagi industri padi dan beras negara.

Oleh itu, Pak Teh juga berharap peruntukan diumumkan oleh Perdana Menteri itu akan turut membantu memperbaiki infrastruktur tanaman padi di Langkawi.

"Kita mintak agar duit RM5 bilion ini boleh buat saliran. Langkawi ini adalah luar MADA, saya juga ada buat surat kepada pihak kementerian untuk IADA masuk ke Langkawi agar dapat membaiki kawasan padi kerana padi di Langkawi padinya di atas, airnya di bawah berbeza dengan Sekinchan," tambahnya lagi.

BERNAS sebagai peneraju program Smart SBB bagi Projek Padi Pulut di Langkawi, telah mula mengadaptasi teknologi Internet Pelbagai Benda (IoT) dan mekanisasi moden dalam memajukan industri padi tempatan.

Usaha ini bukan sahaja meningkatkan pengeluaran beras tempatan, tetapi juga menarik minat generasi muda untuk menceburi bidang pertanian.

Pameran MAHA 2024 ini memberi peluang kepada pengunjung untuk melihat sendiri bagaimana Bernas menerajui inovasi dalam pertanian padi dan beras, selain meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan keselamatan makanan negara.



Datuk Seri Rohani Abdul Karim dan Datuk Azman Mahmood bersama petugas lain berjalan melihat sekitar Laman Padi yang dipamerkan di MAHA 2024. - Gambar BERNAS



Cara lain mengikuti berita kami


- Telegram

astro (https://astroawani.com) Dapatkan Baucar Tunai

Di manakah anda tinggal?

Johor	K. Lumpur
Kedah	Kelantan
Labuan	Melaka
N. Sembilan	Pahang
P. Pinang	Perak
Perlis	Putrajaya
Sabah	Sarawak
Selangor	Terengganu

Masuk | Daftar (https://vodus.my/?login) VPPoints: 0 (https://vodus.my) **VODUS** (https://vodus.my)



LET'S GO PLACES TOGETHER!



Jumaat, 20 September 2024, 10:30am

Waktu Solat Kuala Lumpur



Tawar 1,111 pilihan produk

Mohamad Naufal Mohamad Idris
am@hmetro.com.my




ABDUL Rashid menunjukkan produk yang dibawa ke kluster Kingdom of Agrofood.

Serdang: Lebih 1,000 produk makanan, florikultur dan ternakan ditampilkan pada Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2024 bagi membolehkan pengunjung membuat pelbagai pilihan.

Ketua Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) Abdul Rashid Bahri berkata, pihaknya membawa jumlah varieti pada pameran kali ini bersempena dengan penganjuran MAHA yang ke-100 yang dianggap pameran paling istimewa berbanding pameran sebelum ini.

"Kesemua varieti ini dijual oleh 120 usahawan dan boleh didapati di kluster Kingdom of Agrofood, yang lokasinya di Laman Tiba 1, iaitu berdekatan kawasan menaiki bas serta bas shuttle tapak MAHA.

ADVERTISEMENT



"Sekiranya ada pengunjung membeli tumbuhan, perkhidmatan motosikal tiga roda dengan harga berpatutan turut ditawarkan bagi membolehkan mereka membawa tumbuhan itu ke kenderaan mereka," katanya dalam temubual khas di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) di sini, semalam.

Lagi Berita

- MAHA kembali
- Sasar 400,000 pengunjung
- Tarik golongan muda ceburi pertanian elak monopoli warga asing [METROTV]
- Terokai dunia perikanan negara

Katanya, Kingdom of Agrofood merupakan satu daripada lima kluster dikelola oleh Fama dengan pihaknya menyasar nilai jualan dan pelaburan berjumlah RM8 juta pada MAHA kali ini.

Abdul Rashid berkata, antara kluster menarik untuk dikunjungi adalah kluster Food Empire & Viral Food Valley, yang menawarkan lebih 1,000 jenis makanan dari dalam dan luar negara.

"Untuk Food Empire & Viral Food Valley, sebanyak 77 usahawan yang terlibat dengan menyajikan pelbagai jenis makanan yang popular mengikut negeri dan tular pada masa kini.

"Antara makanan antarabangsa yang ada di MAHA seperti Korean Kimba, tomyam Thailand, Mexican Chicken Briya Wrap dan lain-lain lagi.

"Untuk makanan tradisional negeri pula, kita membawa makanan terbaik dari setiap negeri seperti gulai ikan patin dari Pahang, laksa lemak dari Kelantan, nasi ulam dari Perlis, hlnava dari Perlis dan lain-lain lagi," terangnya.

Bagi makanan tular pula, mee beduk sotong godang, Michael pizza, ayaq gantung Seri Iskandar, chicken ice cream antara yang dibawa ke MAHA kali ini.

Kluster ketiga pula adalah Food Truck Agrofiesta yang menampilkan 25 usahawan yang menjual makanan dan minuman di atas trak.

Kata Abdul Rashid, kluster ini berkonsepkan santai, yang mana pengunjung yang membawa anak mereka boleh bermain pelbagai permainan sambil mendengar muzik dipersembahkan kumpulan muzik yang dijemput.

"Malah, untuk jualan makanan atas trak (Food Truck Fiesta), sebanyak 133 produk makanan dan minuman serendah RM5 yang mampu dibeli oleh semua pengunjung seperti char kuey teow, nasi ayam dan lain-lain lagi.

"Untuk Food Truck Agrofiesta, Fama mensasarkan kehadiran 100,000 pengunjung dengan nilai keseluruhan jualan berjumlah RM1 juta," katanya.

Kluster keempat pula adalah Rythm of Farmers pula adalah ruangan yang diadakan persembahan hiburan serta budaya daripada beberapa artis serta pemuzik jemputan.

Abdul Rashid berkata, selain hiburan, program berbentuk patriotik serta dakwah turut diadakan bagi membolehkan pengunjung menikmati hiburan berbentuk ilmiah dan kerohanian.

"Untuk makluman, dua penyanyi tanah air, Datuk Jamal Abdillah dan Datuk Ramli Sarip akan membuat persembahan di bahagian D'Lereng pada malam Sabtu dan Ahad ini.

"Mereka dijangka akan membuat persembahan sekitar jam 8 malam. Jadi, dijemput seluruh Malaysia untuk hadir bagi melihat persembahan mereka," ajaknya.

Agrotrade atau MAHA Go Global (MGG) merupakan kluster terakhir untuk Fama, iaitu program membawa MAHA diketahui di seluruh dunia.

Justeru itu, Pavillon AgroTrade dibina bagi mengetengahkan perkhidmatan pembangunan eksport, di samping membantu usahawan tempatan membina jaringan perniagaan dengan pemain industri antarabangsa.

"Fama turut melakukan program padanan perniagaan (business matching) di antara syarikat Malaysia dengan 62 syarikat luar negara yang berminat untuk mengimport barangan daripada Malaysia.

"Dalam program ini, kita telah berjaya menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) berjumlah RM662 juta dan untuk Fama, ini adalah satu kejayaan kerana kita mahu lebih banyak syarikat tempatan untuk mengimport produk mereka ke luar negara," ujarnya.

Dengan pelbagai kluster yang diusahakan Fama pada ketika ini, beliau berharap lebih ramai pengunjung dapat hadir ke MAHA kali ini, walaupun jumlah pengunjung telah melebihi 3 juta orang yang disasarkan sebelum ini.

Selain itu, Abdul Rashid berharap pengunjung akan memperoleh ilmu baharu dalam kunjungan mereka di pameran tersebut dan dapat dikongsikan kepada orang sekeliling mereka.

Disiarkan pada: September 20, 2024 @ 7:01am